

FUCHS LUBRICANTS MALAYSIA SDN. BHD., B-02-01, Level 2, Block B, PJ 8, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Malaysia

Versi 08/2024

Terma dan Syarat Umum Jualan dan Pembekalan (GTC)

Terguna pakai pada urusan niaga perniagaan dengan syarikat-syarikat, entiti-entiti undang-undang awam dan aset-aset undang-undang awam berasingan.

1. Umum

1.1 Versi Terma dan Syarat Umum Jualan dan Pembekalan ini (selepas ini dirujuk sebagai "GTC") sah dari 1 April 2024 dan mengatasi semua versi-versi sebelumnya.

1.2 Tiada penyimpangan dari GTC ini akan diterima melainkan diluluskan dengan jelas secara bertulis. Ia juga kekal mengatasi jika kami menjalankan penghantaran kepada pembeli tanpa syarat dengan pengetahuan bahawa syarat-syarat pelanggan adalah berlawanan atau berbeza dari GTC ini.

1.3 GTC ini, termasuk dengan Terma-terma dan Syarat-syarat terkandung dalam ini, membentuk keseluruhan perjanjian antara pihak-pihak berhubung dengan perkara yang dibincangkan dan mengatasi semua perjanjian, pemahaman, dan komunikasi sebelum ini atau yang serentak dengannya berkenaan perkara yang dibincangkan, sama ada secara bertulis atau lisan. Melainkan ditetapkan secara spesifik dalam dokumen ini, GTC ini, termasuk Terma-terma dan Syarat-syaratnya, tidak boleh dipinda melainkan secara bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak

2. Penghantaran Tawaran dan Pesanan

2.1 Tawaran kami tertakluk pada perubahan tanpa notis.

2.2 Pesanan-pesanan pertama dikira sebagai diterima hanya jika ia telah dihantar secara bertulis. Perjanjian seterusnya dikira sebagai sudah dimasuki hanya apabila disahkan secara bertulis.

3. Penarikan, Force Majeure

3.1 Pembeli tidak mempunyai hak untuk menarik diri dari kontrak melainkan kami gagal memenuhi kewajipan kami selepas dia telah menetapkan tempoh masa yang wajar untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan di bawah kontrak.

3.2 Kami berhak untuk menarik diri dari kontrak jika pembeli gagal untuk memenuhi kewajipan bayarannya kepada kami atau pihak-pihak ketiga selepas tempoh masa yang wajar tamat. Hak-hak berkanun penjual atau pembekal untuk menamatkan kontrak dengan ini tidak akan terkesan dengannya.

3.3 Sekiranya Force Majeure berlaku dan, secara khususnya, sekiranya langkah-langkah tertentu diambil oleh pihak berkuasa, dengan kekurangan, kelengahan dan sekatan yang tidak boleh dielak, oleh itu memberi kesan terhadap pembekalan bahan-bahan mentah, item tambahan, barang guna habis, kuasa, air dan tenaga lain, sekiranya tiada cara untuk mengangkut atau disebabkan gangguan trafik yang tidak disebabkan oleh kami, sekiranya berlaku pertenggaran buruh, perang, kekacauan awam dan insiden yang sama, kami berhak untuk mengehadkan atau memberhentikan penghantaran untuk tempoh berlakunya kejadian Force Majeure atau membatalkan kontrak.

3.4 Tanpa mengehadkan apa yang disebut di atas, kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan atau gangguan dalam melaksanakan kewajipan di bawah GTC ini, yang disebabkan oleh sebarang keadaan di luar kawalan kami, termasuk, namun tidak terhad pada, mogok, rusuhan, keganasan, bencana alam, kegagalan kuasa, telekomunikasi atau kegagalan ketersambungan, kerosakan komputer, undang-undang atau peraturan kerajaan yang menyekat dan ketiadaan bahan-bahan dan barangan yang digunakan dalam Produk.

4. Liabiliti

4.1 Sekiranya kami wajib untuk membayar kerosakan; liabiliti kami terhad pada niat salah dan kecuaiian melampau. Liabiliti untuk kerosakan yang tidak boleh dijangka, tidak langsung dan lanjutan dikecualikan.

4.2 Had-had liabiliti ini tidak terguna pakai sekiranya pelanggaran kewajipan kontrak yang memastikan pelaksanaan kontrak dengan baik berlaku dan pembeli lakukan dan dibenarkan untuk bergantung padanya dan yang mana sekiranya tidak dipenuhi meletakkan tujuan kontrak dalam risiko.

5. Penghantaran, Penentuan Kuantiti

5.1 Tarikh penghantaran hanya mengikat jika ia disahkan secara bertulis dengan jelas. Kewajipan kami untuk membekalkan pembeli bergantung pada pemenuhan kewajipan yang tepat pada masa dan baik oleh pembeli.

5.2 Biarpun dalam kes angkutan dibayar dan penghantaran CIF, risikonya akan dipindahkan ke pembeli seperti berikut: Jika satu pedagang bebas meminta penghantaran ke satu tempat yang lain dari tempat pelaksanaan, risikonya dipindahkan ke pembeli sebaik saja barangan tersebut sedia untuk dihantar atau telah dikutip. Jika penghantaran dengan kapal dan/atau penghantaran darat lewat untuk sebab-sebab tertentu yang disebabkan oleh pembeli atau jika pembeli melambatkan penerimaan disebabkan alasan-alasan lain, risikonya berpindah ke dia.

5.3 Kuantiti barangan akan ditentukan oleh kami. Ianya terikat pada pembeli dan menjadi asas pengiraan harga.

6. Bekas

6.1 Jika FUCHS memerlukan penggunaan bekas yang boleh dipulangkan, kos kepada bekas yang boleh dipulangkan itu hendaklah kekal dengan pelanggan dan bekas tersebut akan dikembalikan kepada FUCHS dalam keadaan baik tidak rosak, kosong dan dengan semua bung dan stopcock di tempatnya (keausan biasa diterima) dalam tempoh 90 hari penghantaran produk. FUCHS berhak untuk deposit bekas yang boleh dipulangkan mengikut budi bicara mutlaknyanya.

6.2 Bekas-bekas yang dibekalkan oleh pembeli (termasuk tangki) hendaklah dipulangkan ke kemudahan pengisian kami dalam keadaan bersih dan sedia untuk diisi. Jika penghantaran dibuat dalam bekas-bekas yang diberikan oleh pembeli, kami tidak wajib untuk memeriksa bekas-bekas tersebut untuk kesesuaian atau kebersihannya. Bekas-bekas tersebut akan digunakan atas risiko pembeli. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk pencemaran barangan disebabkan oleh bekas-bekas yang kotor.

6.3 Tangki-tangki yang dipinjamkan disediakan untuk penghantaran secara bebas sewa dan hendaklah dipulangkan ke stesen pengisian dalam tempoh selewat-lewatnya 48 jam. Selepas itu sewa akan dicaj. Kos-kos memulangkan tangki-tangki kosong akan ditanggung oleh pembeli. Pembeli akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan pada bekas-bekas dan tangki biarpun ia disebabkan oleh Force Majeure.

6.4 Sekiranya penghantaran dalam tangki jalan raya, pembeli hendaklah memastikan pemunggahan segera boleh dilakukan. Pembeli bertanggungjawab untuk semua kos dan kerosakan yang disebabkan oleh kelewatan pemunggahan tangki. Jika baki kargo berjumlah lebih dari 10% kuantiti pesanan, satu nota kredit mencerminkan harga jualan akan dikeluarkan. Jika baki tersebut disebabkan oleh pembeli, kos yang timbul dari membekalkan dan membuang baki tersebut akan dicaj kepada pembeli.

7. Pemberian Sampel dan Butiran Kualiti

Data analisis dan butiran kualiti lain diberikan penuh kepercayaan, segaris dengan teknologi terkini dan perkembangan kami. Sampel mencerminkan keadaan biasa barangan tersebut melainkan ciri-ciri produk yang spesifik telah dipersetujui untuk satu tempoh masa yang ditetapkan.

8. Rungutan kualiti

8.1 Kecacatan yang jelas, cth. kecacatan hak atau kecacatan material, kuantiti yang tidak tepat atau penghantaran yang salah serta kekurangan kualiti atau ketahanan yang mungkin telah dijamin oleh kami berhubung barangan yang dibekalkan atau perkhidmatan yang diberikan (kecacatan), hendaklah dilaporkan dengan serta-merta tetapi tidak lebih dari 2 hari selepas penerimaan barangan; kecacatan yang tidak boleh dikesan semasa pemeriksaan penerimaan berkala juga hendaklah dilaporkan dengan segera secara bertulis tetapi tidak lebih dari 7 hari selepas pengesanan. Produk tersebut hendaklah masih dalam bekas asal dan masih terletak di titik penghantaran. Pembeli akan mengekalkan sebarang hak untuk mendapatkan bantuan yang dia mungkin ada terhadap syarikat pengangkutan. Jika rungutan dibuat tentang kualiti produk yang dihantar, satu sampel seberat sekurang-kurangnya satu kilogram hendaklah dipulangkan dan semua baki produk termasuk mana-mana barangan dalam penggunaan hendaklah disimpan dalam tempat yang selamat. Penjual hendaklah diberi peluang untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi memeriksa item yang dipersoalkan di tapak.

8.2 Sekiranya rungutan mempunyai justifikasi, kami berhak untuk bersama dengan pedagang-pedagang bebas, pada budi bicara kami, untuk menyelesaikan kecacatan tersebut atau membekalkan barangan yang bebas dari kecacatan kepada pembeli (pelaksanaan seterusnya). Jika pelaksanaan seterusnya gagal atau tidak boleh diterima oleh pembeli, pembeli boleh sama ada membatalkan kontrak atau mengurangkan harga pembelian. Tuntutan lanjut akibat dari kecacatan hanya boleh dilakukan oleh pembeli mengikut klausa 4; ia hendaklah dikecualikan untuk semua kes-kes selebihnya.

8.3 Jika pembeli bukan pedagang bebas dan jika penghantaran gantian yang dibuat oleh kami gagal, pembeli berhak untuk mengurangkan harga atau membatalkan kontrak atas budi bicaranya.

8.4 Tempoh masa pengehadan tuntutan bagi kerosakan ialah tiga bulan selepas keadaan yang menyebabkan tuntutan tersebut diketahui atau tiga bulan dari hari pembeli sepatutnya, tanpa kecuai melampau, sedar akan keadaan-keadaan ini.

9. Harga

9.1 Melainkan sesuatu harga telah dipersetujui dengan pembeli, bil akan, secara umumnya, dibuat berdasarkan harga yang boleh diguna pakai pada hari semasa pesanan tersebut dilakukan. Kami berhak untuk menyelaraskan harga tersebut jika kos bahan mentah, tenaga dan pengeluaran serta cukai dinaikkan. Pembeli berhak untuk membatalkan atau menamatkan kontrak jika kenaikan tersebut menjadikan harga yang sekurang-kurangnya 5% lebih tinggi dari harga yang sah pada hari pesanan tersebut dilakukan. Semua harga termasuk penghantaran percuma ke alamat pembeli jika barangan dihantar dengan lori dan, sekiranya penghantaran kereta api, ia dihantar secara percuma ke stesen penerima. Semua harga tidak termasuk Cukai Jualan masing-masing.

9.2 Tertakluk pada bahagian 3 dan melainkan dipersetujui secara bertulis, harga yang disahkan adalah sah untuk selama 30 hari.

9.3 Kami berhak untuk menukar harga, biarpun dalam kes persetujuan harga terakhir atau sudah ditetapkan, pada bila-bila masa tanpa notis, jika dan sebaik saja cukai fiskal (seperti cukai minyak mineral, levi minyak buangan, dsb.), kos pengangkutan yang diikat di bawah persetujuan kolektif, harga bahan-bahan mentah dan kos-kos lain berubah dengan ketara. Selepas tempoh yang telah disahkan tamat, persetujuan harga baru akan dimasuki. Sehingga ia telah dimasuki, harga-harga yang dinyatakan di atas akan terus kekal sah. Jika kenaikan tersebut lebih dari 5% harga yang telah dipersetujui, pelanggan berhak untuk menarik diri dari kontrak (hak untuk menamatkan atau membatalkan kontrak).

9.4 Kami berhak untuk memberi inoivis surcay tambah Cukai Jualan untuk kuantiti-kuantiti kecil, dan dalam kes kuantiti yang sangat kecil kami hanya menghantar berdasarkan pembayaran waktu terima.

10. Bayaran

10.1 Terma bayaran tertakluk pada keputusan pengurusan FUCHS LUBRICANTS MALAYSIA SDN. BHD.

10.2 Jika bayaran tidak diterima sebelum tarikh tamat, kami akan berhak: (1) untuk mengecaj bunga pada jumlah tertunggak pada kadar 18% (lapan belas peratus) setahun dan (2) memerlukan Pembeli untuk membuat bayaran pendahuluan untuk mana-mana penghantaran yang masih belum dilakukan.

10.3 Pengimbangan serta penggunaan lien atau hak pemegangan terhadap kami hanya dibenarkan dalam kes tuntutan yang telah diiktiraf oleh kami atau yang telah ditetapkan secara ikatan undang-undang oleh mahkamah dengan syarat ianya hasil dari hubungan kontrak yang sama.

10.4 Hanya kakitangan syarikat kami yang dibenarkan untuk mengutip bayaran berhak untuk mengutip jumlah yang diinvoiskan.

10.5 Tempat pelaksanaan bagi bayaran ialah di Petaling Jaya, Malaysia.

11. Pemegangan Hak

11.1 Sehingga bayaran penuh dibuat, kami memegang hak untuk semua barangan yang dibekalkan semasa hubungan perniagaan. Oleh itu, semasa tempoh tersebut, pembeli tidak berhak untuk menggunakan barangan tersebut bagi tujuan selain dari untuk menjalankan perniagaan biasanya, dan juga tidak berhak menjanjikannya kepada pihak ketiga atau memindahkannya sebagai cagaran. Pembeli menetapkan tuntutan terhadap bayaran harga pembelian barangan jualan yang mana kami pegang haknya, kepada kami sebagai cagaran bagi tuntutan harga pembelian kami.

11.2 Pembeli mempunyai hak untuk mengutip mana-mana tuntutan yang ditetapkan selagi mana dia memenuhi kewajipan bayaran kontraknya kepada kami. Jika pembeli gagal untuk memenuhi kewajipan-kewajipan ini, kami mempunyai hak ke atas jumlah yang dikutip, yang mana perlu diasingkan dari yang selebihnya.

11.3 Jika pembeli meneruskan untuk bekerja dengan atau memproses barangan yang tertakluk pada pemegangan hak, dia hendaklah berbuat demikian bagi pihak kami tanpa tindakan-tindakan tersebut menyebabkan sebarang kewajipan ke atas kami. Sekiranya dia memproses, menggabung, mencampur atau mengadunkan barangan tersebut dengan barangan lain yang tidak dibekalkan oleh kami, kami memperoleh pemilikan bersama barangan yang baru dicipta tersebut yang mana kadarnya akan berdasarkan perbezaan antara nilai invois barangan yang dibekalkan dan nilai barangan yang telah diproseskan tersebut sewaktu ia diproses, digabung, dicampur atau diadunkan. Jika pembeli, menurut kuasa undang-undang, memperoleh pemilikan tunggal item tersebut, dia menyerahkan kepada kami hak pemilikan bersama item baru tersebut dengan segera pada kadar yang dinyatakan sebelum ini dan berjanji untuk menyimpan item tersebut untuk kami secara percuma. Bahagian 1 dan 2 akan terguna pakai dengan sewajarnya.

11.4 Jika nilai tuntutan dan cagaran yang ditetapkan kepada kami melebihi nilai tuntutan kami lebih dari 20%, kami berjanji untuk melepaskan cagaran masing-masing atas budi bicara kami jika pembeli memintanya.

12. Eksport

Disebabkan peruntukan-peruntukan embargo berkanun (cth. di Jerman, EU atau US) kami memaklumkan anda secara eksplisit bahawa produk-produk yang dibekalkan oleh kami tertakluk pada sekatan-sekatan eksport yang spesifik. Pelanggaran sekatan-sekatan eksport boleh mempunyai akibat di bawah undang-undang jenayah. Jika pembeli berhasrat untuk menggunakan barangan tersebut untuk tujuan eksport, dia wajib untuk memberitahu negara penerimanya sebelum menghantar barangan tersebut.

13. Pakej Sekatan terhadap Rusia dan Belarus

Pembeli tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, menjual atau mengeksport semula Barangan (termasuk sokongan teknikal atau perkhidmatan yang berkaitan dengan Barangan tersebut, "Perkhidmatan") ke/untuk digunakan di Rusia, Belarus, wilayah Crimea, Donetsk, Luhansk dan mana-mana lagi. , jika ada, mengisytiharkan diri sebagai republik di wilayah Ukraine. Sekiranya berlaku pelanggaran, FUCHS LUBRICANTS MALAYSIA SDN BHD berhak (i) menamatkan keseluruhan atau sebahagian daripada hubungan perniagaan dengan pembeli berkuat kuasa serta-merta, (ii) menghentikan sebarang penghantaran Barang (termasuk pemberian Perkhidmatan) berkuat kuasa serta-merta , dan/atau (iii) untuk sebarang remedi lain yang mencukupi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pampasan bagi sebarang kerosakan, kerugian dan perbelanjaan).

14. Bidang Kuasa, Tempat Pelaksanaan dan Tempat yang Sah

14.1 Undang-undang Malaysia akan terguna pakai. Tambahan lagi, versi akhir Incoterms yang sah akan terguna pakai bagi urus niaga kami dengan negara-negara lain melainkan ianya berbeza dari GTC ini dan mana-mana perjanjian berasingan yang lain.

14.2 Jika mana-mana peruntukan dari syarat-syarat ini dan mana-mana perjanjian lanjut yang dimasuki akan menjadi atau menjadi tidak berkesan, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, dengan ini kesahan peruntukan-peruntukan lain tidak akan terkesan darinya.

14.3 Tempat pelaksanaan berhubung penghantaran adalah sentiasa menjadi lokasi dari mana penghantaran berlaku.

15. Peruntukan-peruntukan umum

15.1 Jika mana-mana peruntukan dari syarat-syarat ini dan mana-mana perjanjian lanjut yang dimasuki akan menjadi atau menjadi tidak berkesan, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, dengan ini kesahan peruntukan-peruntukan lain tidak akan terkesan darinya.

15.2 Syarat-syarat Pembelian Umum ini boleh didapati dalam Bahasa Malaysia dan dalam bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat perbezaan, versi bahasa Inggeris Syarat-syarat Pembelian Umum akan mengatasi.

15.3 Berkenaan hubungan kontrak, undang-undang Malaysia akan terguna pakai secara eksklusif kecuali peruntukan-peruntukan Percanggahan Undang-undang dan Konvensyen Kontrak Negara-negara Bersatu bagi Jualan Barangan Antarabangsa (CISG).

16 Perlindungan Data Peribadi

16.1 Pembeli mengakui dan memahami bahawa data peribadi para pemegang saham, pengarah, kakitangan, kontraktor dan/atau ejen ("Orang Berkaitan") boleh dikumpul dan diproses oleh kami untuk tujuan berkaitan dengan pelaksanaan perjanjian ini dan tujuan perniagaan lain yang sah ("Tujuan"). Sekiranya data peribadi didedahkan kepada kami, pihak pembekal menunjukkan dan menjamin bahawa kebenaran-kebenaran yang sesuai telah diperolehi dari Orang-orang Berkaitan atau ia berhak untuk memberikan data peribadi kepada kami dan membenarkan kami memproses data peribadi tersebut untuk Tujuan tersebut.

16.2 Terma "data peribadi" dan "proses" akan mempunyai maksud yang telah ditetapkan dalam Bahagian 4 Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 ("PDPA").